melahirkan harapan agar tempoh pengajian mereka di UMP ini dapat memberikan pengalaman dan pengetahuan yang amat berharga dan tidak ternilai.

"Saya amat berharap agar pelajar-pelajar antarabangsa ini dapat membantu UMP melangkah setapak lagi dalam usaha membawa UMP ke peringkat antarabangsa," katanya.

Selain itu, pelajar-pelajar yang ditemui turut melahirkan rasa gembira dan bangga kerana mereka merupakan pelajar perintis dari China yang telah dipilih untuk mengikuti pengajian di UMP.

UMP terima lawatan dari Universiti Diponegoro, Indonesia

Universiti Malaysia Pahang (UMP) melalui Fakulti Kejuruteraan Awam, & Sumber Alam (FKASA) dan Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli (FKKSA) telah menerima kunjungan rasmi dari Fakultas Teknik, Universiti Diponegoro (UNDIP), Indonesia selama dua hari bermula dari 15 hingga 16 Januari 2009 yang lalu.

Wakil delegasi terdiri daripada Dekan Fakulti Teknik, Ir. Sri Eko Wahyuni, Pembantu Dekan 1, Ir. H. Gambang Pudjianto, Pembantu Dekan II, Ir. Nanny Yuliastuti, Pembantu Dekan III, Ir. Syafrudin dan Pembantu Dekan IV, Ir. H.Bambang Purwanggono.

Kehadiran wakil-wakil delegasi ini telah disambut mesra oleh pengurusan FKASA dan FKKSA.

Antara tujuan lawatan ini adalah untuk mengenal pasti bidang serta skop kerjasama dua hala yang boleh dilaksanakan oleh kedua-dua belah pihak.

Hasil perbincangan awal, secara asasnya, pihak UMP (FKASA & FKKSA) dan UNDIP bersetuju berkenaan cadangan menjalinkan kerjasama strategik dua hala yang melibatkan aktiviti pembangunan penyelidikan, pengajaran, pembelajaran, penerbitan, pertukaran staf akademik dan pelajar. Deligasi turut dibawa melawat ke makmal FKASA dan FKKSA.

Satu siri lawatan balas dari UMP ke UNDIP dijangka akan diadakan bagi memeterai perjanjian persefahaman (MoU) sebagai tanda rasmi permulaan kerjasama.

Lawatan ini diharap dapat meningkatkan proses pengantarabangsaan UMP di samping dapat meluaskan jaringan hubungan kerjasama antarabangsa di antara UMP dan institusi pengajian tinggi luar negara.